

NO SOALAN : 265

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN NO. 265

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Taman Jasa dan Taman Jerlun Jaya dan apakah usaha-usaha yang dilakukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan projek pembangunan kecil (Projek BP.1) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah skop infrastruktur seperti membina baharu atau menaik taraf longkang. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada permohonan mengikut keutamaan daripada PBT serta mematuhi skop Projek BP.1. Pada tahun 2018, KPKT telah melaksanakan projek membina longkang dan menurap jalan di Taman Jasa Fasa 2 dengan kos sebanyak RM20,000. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, tiada permohonan daripada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bagi projek membina atau menaik taraf longkang di Taman Jasa dan Taman Jerlun Jaya.
2. Sekiranya terdapat keperluan, MPKK perlu mengemukakan permohonan kepada KPKT bagi membina baharu atau menaik taraf longkang di taman tersebut selaras dengan skop di bawah Projek BP.1

Sekian, terima kasih.